

UiTM hasilkan 4 Moons Booster tingkatkan hasil minyak tanpa bahan kimia

Industri kayu gaharu dimajukan

SHAH ALAM - 4 Moons Booster, produk terbaru yang merangsang pengeluaran minyak kayu gaharu dengan lebih banyak tanpa menggunakan bahan kimia telah berjaya menembusi pasaran antarabangsa.

4 Moons Booster adalah hasil ciptaan Timbalan Dekan Penyelidikan dan Jaringan Industri Universiti Teknologi Mara (UiTM), Prof. Dr. Ku Halim Ku Hamid bersama penuntut Fakiulti Kejuruteraan Kimia universiti berkenaan selama 18 bulan.



Produk tersebut merupakan campuran pelbagai tumbuhan clan mesra alam sekitar.

Minyak gaharu selain dijual sebagai minyak yang tulen, ia juga turut digunakan untuk industri pembuatan minyak wangi atau minyak atar.

Ku Halim menjelaskan, sejak memasuki pasaran empat bulan lalu, produk itu telah menarik minat ramai pengusaha kayu gaharu di Indonesia, Vietnam dan Timur

Tengah untuk membelinya.

Sebelum ini, proses untuk menghasilkan minyak gaharu akan mengambil masa di antara lapan sehingga 12 bulan.

Bagaimanapun, dengan menggunakan produk ini, pengusaha akan dapat menuainya dalam jangka masa empat bulan dan minyak yang dihasilkan juga lebih banyak daripada proses sebelum ini.

"Sebelum ini, penghasilan teras gaharu yang bernilai tinggi hanya dapat diperoleh selepas dua tahun cecair ini disuntik ke dalam pokok berkenaan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas majlis meterai perjanjian persefahaman (MoU) di antara UiTM dengan Southern Farm Valley Johore Sdn. Bhd. (Southern Farm Valley) di sini baru-baru ini.

Pemeteraian MoU itu bertujuan untuk membolehkan Southern Farm Valley memasarkan produk 4 Moons Booster dengan lebih



ABDULLAH (dua dari kanan) dan Mohd. AM (tiga dari kiri) bersama para pegawai UiTM pada majlis pelancaran 4 Moons Booster di Shah Alam baru-baru ini.

berkesan di seluruh negara.

Turut hadir ialah Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UiTM, Prof. Datuk Dr. Abdullah Mohamad Said dan Pe-

ngarah Urusan Southern Farm Valley, Mohd. Ali Amir Batcha.

Selain itu, Ku Halim menjelaskan, pada masa sekarang kebanyakan pengusaha kayu gaharu

menggunakan kaedah menyuntik bahan kimia pada batang pokok tetapi ia telah menyebabkan pokok mudah mati dan akhirnya ia tidak akan menarik minat pelabur.